

بَابُ مَنْ كَرِهَ أَنْ يُقَالَ لِلْمَغْرِبِ الْعِشَاءُ

101- Bab Orang Yang Tidak Suka Maghrib Dipanggil (dikatakan) Isyaa'.¹⁰⁰¹

¹⁰⁰¹ Siapakah yang dimaksudkan oleh Bukhari dengan katanya “orang yang tidak suka Maghrib dipanggil (dikatakan) ‘Isyaa’” itu? Dan apakah pula erti tidak suka? Apakah ia bererti makruh saja atau haram atau lain-lain lagi? Itulah dua kemusykilan yang timbul daripada tajuk bab di atas. Daripada hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini diketahui orang yang tidak suka itu ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Sebab tidak suka Rasulullah s.a.w. ialah kerana penggunaan perkataan ‘Isyaa’ untuk Maghrib boleh menimbulkan kekeliruan. Orang-orang ‘Arab badwi pula memang menggunakan perkataan ‘Isyaa’ untuk waktu maghrib. Kekeliruan yang mungkin akan timbul di suatu hari kelak ialah waktu ‘Isyaa’ yang bermula selepas hilangnya syafaq itu dianggap oleh sesetengah pihak sebagai permulaan waktu Maghrib. Ini akan menimbulkan kekeliruan dalam amalan agama, khususnya berkenaan dengan waktu sembahyang fardhu lima waktu. Hafiz Ibnu Hajar menukikkan kata-kata Ibnu al-Munayyir bahawa: “Imam Bukhari tidak menggunakan lafaz jazam (terang / putus), seperti kata beliau باب كراهية كذا (Bab larangan melakukan sekian-sekian perkara) misalnya ialah kerana lafaz hadits tidak secara mutlaq melarang daripada menggunakan perkataan ‘Isyaa’ untuk Maghrib. Apa yang dilarang ialah kalau sampai penggunaan orang-orang ‘Arab badwi itu menjadi lebih popular daripada apa yang diperkenalkan oleh Syara’. Oleh itu penggunaan perkataan ‘Isyaa’ untuk Maghrib jika kadangkala kadang saja digunakan adalah harus hukumnya. Berbeza dengan orang-orang ‘Arab badwi, kerana mereka memang menggunakan perkataan ‘Isyaa’ untuk Maghrib. Perkataan ‘Isyaa’ juga boleh digunakan untuk Maghrib jika dengan qaid, seperti العشاء الأولى (‘Isyaa’ yang pertama).” Penggunaan dengan qaid seperti itu diharuskan kerana memang ada tersebut pun penggunaan العشاء الآخرة dengan qaid الآخرة selepas perkataan ‘Isyaa’ untuk sembahyang ‘Isyaa’ di dalam hadits-hadits sahih. Misalnya di dalam hadits-hadits berikut: (1) عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ فِي الْعِشَاءِ الْآخِرَةِ بِالتَّيْنِ وَالزَّيْتُونِ Bermaksud: Baraa’ bin ‘Aazib meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. membaca di dalam sembahyang ‘Isyaa’ kedua (Surah) at-Tiin wa az-Zaitun. (Hadits riwayat Tirmizi). Di dalam hadits ini diqaidkan perkataan العشاء dengan perkataan الآخرة (terakhir / kedua) selepasnya untuk sembahyang ‘Isyaa’. (2) Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, katanya: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُؤَخِّرُ صَلَاةَ الْعِشَاءِ الْآخِرَةِ Bermaksud: Mana-mana perempuan yang memakai wangi-wagian, janganlah datang bersembahyang ‘Isyaa’ kedua bersama kami. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa’i dan lain-lain). (3) Jaabir bin Samurah meriwayatkan, katanya: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُؤَخِّرُ صَلَاةَ الْعِشَاءِ الْآخِرَةِ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. selalu melewati sembahyang ‘Isyaa’ kedua. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Baihaqi, at-Thabaraani, Abu ‘Awaanah dan lain-lain). **Hadits-hadits di atas secara tidak langsung** (mafhum mukhaalafah) menunjukkan adanya apa yang dinamakan العشاء الأولى (‘Isyaa’ yang pertama) dengan erti sembahyang Maghrib. Malah jika diteliti perkataan العشاء الأولى (‘Isyaa’ yang pertama) dengan erti sembahyang Maghrib juga ada tersebut di dalam hadits Baginda s.a.w. Ini dapat anda lihat di dalam hadits yang diriwayatkan oleh ‘Abd bin Humaid berikut: ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُبَيْدٍ ثَنَا زَكْرِيَّا بْنُ أَبِي زَائِدَةَ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ رَجُلٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمْسِكُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ فِي النَّبِيِّاتِ عِنْدَ فَوْرَةِ الْعِشَاءِ الْأُولَى فَإِنَّ فِيهَا تَعْمُ الْجِنَّ Bermaksud: Jaabir bin ‘Abdillah meriwayatkan katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Hendaklah kamu dan anak-pinakmu berada di rumah di permulaan waktu ‘Isyaa’ yang pertama (Maghrib), kerana pada ketika itu jin berkeliaran (dengan banyak).” (Hadits riwayat ‘Abd bin Humaid di dalam Musnadnya). Tetapi hadits ini tidak sahih, kerana di dalam isnadnya terdapat seorang perawi majhul yang meriwayatkannya daripada Jaabir bin ‘Abdillah. Itulah sebabnya Ibnu Batthaal berkata, tidak ada dalil khusus

٥٣٠ - حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ هُوَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ عَنْ الْحُسَيْنِ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُرَيْدَةَ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُعْقَلٍ الْمُزَنِيُّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَغْلِبَنَّكُمْ الْأَعْرَابُ عَلَى اسْمِ صَلَاتِكُمُ الْمَغْرِبِ قَالَ وَنَقُولُ هِيَ الْعِشَاءُ

530- Abu Ma'mar - dia ialah 'Abdullah bin 'Amar – (al-Manqari al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abd al-Warits (bin Sa'id bin Zakwaan al-'Ambari at-Tannuri) meriwayatkan kepada kami daripada al-Husain (bin Zakwaan al-Mu'allim), katanya: 'Abdullah bin Buraidah (Qadhi Marw m.115H) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah bin Mughaffal al-Muzani¹⁰⁰² meriwayatkan kepada saya bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Janganlah sekali-kali orang-orang 'Arab badwi mengalahkan kamu

menunjukkan keharusan menggunakan perkataan العشاء الأولى untuk Maghrib. Mafhum mukhalaafah bagi perkataan العشاء الآخرة tidak memadai untuk mengharuskan penggunaannya. Istilah صلاة المغرب (sembahyang Maghrib) pula adalah satu istilah Syara' yang sepatutnya tidak boleh dikalahkan oleh mana-mana istilah lain, termasuk istilah orang-orang 'Arab badwi. Selain itu perkataan Maghrib lebih terang menunjukkan permulaan masuknya waktu sembahyang Maghrib, iaitu sebaik saja matahari terbenam. Berbeza keadaannya dengan perkataan 'Isyaa'. **Sesetengah 'ulama' berpendapat apabila** Bukhari berkata: ... بَاب مَنْ كَرِهَ atau 'Bab Orang Yang Tidak Suka ...' seperti di atas, bererti beliau sendiri tidak berpendapat begitu. Ia sekadar menyatakan pendapat orang lain. Tidak semestinya orang yang tidak suka itu Rasulullah s.a.w. sendiri. Pada pendapat beliau, ia tidak terlarang atau makruh jika digunakan dalam keadaan tidak mengelirukan. Penggunaan perkataan 'Isyaa' sahaja tanpa qaid untuk Maghrib misalnya memang mengelirukan. Tetapi jika seseorang menggunakannya dengan qaid seperti العشاء الأولى misalnya, maka tidak ada lagi perkara yang mengelirukan. Walaupun begitu, mengguna perkataan Maghrib untuk Maghrib tentunya lebih baik, kerana ia merupakan istilah yang diperkenalkan oleh Syara'. Cuba perhatikan betul-betul tajuk bab yang dibuat Bukhari di atas, anda akan dapati yang tidak disukai itu ialah menggunakan perkataan 'Isyaa' semata-mata untuk Maghrib tanpa sebarang qaid atau sesuatu yang boleh menghilangkan kekeliruan. **Sebetulnya tidak ada ketetapan** bahawa apabila Bukhari berkata: ... بَاب مَنْ كَرِهَ atau 'Bab Orang Yang Tidak Suka ...' seperti di atas, bererti beliau sendiri tidak berpendapat begitu. Boleh jadi juga ia bererti beliau sendiri termasuk dalam kalangan orang yang tidak suka. Sama ada secara mutlaq atau apabila digunakan tanpa qaid seperti dapat anda lihat pada tajuk bab di atas.

¹⁰⁰² Salah seorang sahabat yang turut berbai'ah dengan Rasulullah s.a.w. dalam bai'atu ar-ridhwaan di bawah pokok (yang terma'lum di-Hudaibiyah). Kata 'Abdullah bin Mughaffal, saya mengangkat dahan pokok berkenaan dari terkena Rasulullah s.a.w. 'Abdullah telah meriwayatkan sebanyak 43 hadits. Lima daripadanya diriwayatkan oleh al-Bukhari. Beliau adalah sahabat yang mula-mula masuk ke Tustar ketika pembukaannya. Meninggal dunia pada tahun 60H.

berhubung dengan nama sembahyang Maghrib. Katanya¹⁰⁰³ (‘Abdullah bin Mughaffal / Nabi s.a.w.): Orang-orang ‘Arab badwi berkata (memanggil): Maghrib itu ‘Isyaa’.”¹⁰⁰⁴

بَابُ ذِكْرِ الْعِشَاءِ وَالْعَتَمَةِ وَمَنْ رَأَاهُ وَاسِعًا قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَثْقَلَ الصَّلَاةِ عَلَى الْمُنَافِقِينَ الْعِشَاءُ وَالْفَجْرُ وَقَالَ
لَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالْفَجْرِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَالْإِخْتِيَارُ أَنْ يَقُولَ الْعِشَاءُ لِقَوْلِهِ تَعَالَى ﴿وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ﴾ وَيُذَكَّرُ عَنْ أَبِي
مُوسَى قَالَ كُنَّا تَتَاوَبُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ صَلَاةِ الْعِشَاءِ فَأَعْتَمَ بِهَا وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ وَعَائِشَةُ أَعْتَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ بِالْعِشَاءِ وَقَالَ بَعْضُهُمْ عَنْ عَائِشَةَ أَعْتَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَتَمَةِ وَقَالَ جَابِرٌ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي
الْعِشَاءَ وَقَالَ أَبُو بَرَزَةَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُؤَخِّرُ الْعِشَاءَ وَقَالَ أَنَسٌ أَخَّرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ وَقَالَ ابْنُ
عُمَرَ وَأَبُو أَيُّوبَ وَابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ

102- Bab Keterangan Tentang ‘Isyaa’ Dan ‘Atamah Dan Orang Yang Berpendapat Kedua-dua Perkataan Ini Boleh Digunakan.”¹⁰⁰⁵ Abu Hurairah Meriwayatkan Sabda

¹⁰⁰³ Menurut al-Kirmaani dhamir faa’il di dalam قال meruju’ kepada ‘Abdullah bin al-Mughaffal. Berdasarkan zahir riwayat yang dikemukakan oleh al-Isma’ili pula kata-kata selepas قال masih merupakan sabda Nabi s.a.w. Ertinya ia bukan mudraj. Kerana selepas Baginda s.a.w. bersabda: لَا تَغْلِبُنَا الْأَعْرَابُ تَسْمِيهَا عِشَاءَ (kerana orang-orang badwi menamakannya ‘Isyaa’).

¹⁰⁰⁴ Penggunaan lafaz العشاءين untuk Maghrib dan ‘Isyaa’ dalam bentuk taghlib pula tidak termasuk dalam yang terlarang. Malah ia ada digunakan di dalam hadits-hadits yang sahih. Antaranya ialah hadits ‘Ali berikut: عَنْ عَلِيٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْأَحْزَابِ شَغَلُونَا عَنِ الصَّلَاةِ الْوُسْطَى صَلَاةُ الْعِشَاءِ وَالْعِشَاءِ الْعَصْرِ مَلَأَ اللَّهُ بَيْتَهُمْ وَقُبُورَهُمْ نَارًا ثُمَّ صَلَّاهَا بَيْنَ الْعِشَاءَيْنِ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ Bermaksud: ‘Ali meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda pada hari Ahzaab: “Mereka telah membuatkan kita terlepas sembahyang wustha, sembahyang ‘Ashar. Semoga Allah memenuhi rumah dan kubur mereka dengan api.” Kemudian Baginda s.a.w. mengerjakan sembahyang ‘Ashar yang terlepas itu di antara dua sembahyang ‘Isyaa’, iaitu di antara sembahyang Maghrib dan ‘Isyaa’. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad dan Ibnu Abi Syaibah).

¹⁰⁰⁵ Bab 101 sebelum ini menyatakan terlarangnya Maghrib dipanggil ‘Isyaa’. Bab 102 ini pula menyatakan keharusan menggunakan perkataan ‘Atamah untuk ‘Isyaa’. Ini kerana sering kali di dalam hadits-hadits dan atsar-atsar disebutkan sembahyang ‘Isyaa’ dan sembahyang ‘Atamah. Walaupun bagi Imam Bukhari, menggunakan perkataan ‘Isyaa’ untuk waktu dan sembahyang ‘Isyaa’ adalah lebih baik, kerana ia adalah nama yang digunakan oleh Allah di dalam al-Qur’an;

Nabi S.A.W.: "Shalat Yang Paling Berat Kepada Orang-Orang Munafiq Ialah 'Isyaa' Dan Fajar."¹⁰⁰⁶ Sabda Baginda (Lagi): Kalaulah Mereka Mengetahui Pahala / Kelebihan Yang Terdapat Pada Sembahyang 'Atamah Dan Fajar.'¹⁰⁰⁷ Abu 'Abdillah Berkata: (Cara) Yang Terpilih Ialah Seseorang Mengatakan Isyaa', Kerana Firman Allah Ta'ala: وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ. Diriwayatkan Daripada Abi Musa, Kata Beliau: Kami Selalu Bergilir-Gilir Pergi Bersembahyang 'Isyaa' Bersama Nabi S.A.W. (Di Masjid Baginda). Baginda S.A.W. Mengerjakannya Pada Waktu 'Atamah.'¹⁰⁰⁸ Ibnu

(dan selepas sembahyang 'Isyaa'). Untuk maksud itulah Imam Bukhari mengemukakan beberapa hadits dan atsar di dalam tajuk bab di atas. Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Imam Bukhari membuat tajuk bab ini berbeza daripada tajuk bab sebelumnya. Padahal lafaz kedua-dua hadits tentang kedua-dua sembahyang itu lebih kurang sama, iaitu larangan daripada memenangkan penggunaan orang-orang 'Arab badwi daripada penggunaan Syara'. Sebabnya ialah tidak tsabit (tidak sah) daripada Nabi s.a.w. bahawa Beliau ada menggunakan perkataan 'Isyaa' untuk Maghrib. Berbeza dengan lafaz 'Atamah, kerana ia terbukti telah digunakan oleh Beliau s.a.w. sendiri untuk 'Isyaa'. Itulah sebab perbezaan tajuk bab yang dibuat Bukhari." Hadits tentang larangan memenangkan penggunaan orang-orang 'Arab badwi dalam menamakan Maghrib dengan 'Isyaa' telah pun tersebut di bawah bab 101 yang lalu. Hadits larangan memenangkan penggunaan orang-orang 'Arab badwi dalam menamakan 'Isyaa' dengan 'Atamah pula antara lainnya ialah hadits berikut: لَا تَغْلِبُكُمْ الْأَعْرَابُ عَلَى اسْمِ صَلَاتِكُمُ الْعِشَاءَ فَإِنَّهَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْعِشَاءُ وَهُمْ يُعْتَمُونَ بِجَلَابِ الْإِبِلِ. Bermaksud: Janganlah sekali-kali orang-orang badwi mengalahkanmu berhubung dengan nama sembahyang 'Isyaa' mu. Kerana ia di dalam Kitab Allah adalah 'Isyaa'. (Sebabnya sembahyang 'Isyaa' dinamakan sembahyang 'Atamah ialah kerana) Mereka pemerah susu unta pada waktu 'ataamah. (Hadits riwayat Ahmad, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah). Waktu 'ataamah ialah waktu gelap di awal malam setelah hilangnya saki-baki cahaya matahari di ufuk barat.

¹⁰⁰⁶ Hadits Abu Hurairah ini diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب فضل العشاء جماعة.

¹⁰⁰⁷ Hadits ini juga diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan ia diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب الاستهزاء في الأذان. Sambungan hadits ini selengkapnya ialah لَأَتُوهُمَا وَلَوْ حَبَوَا (niscaya mereka akan pergi untuk mendapatkannya walaupun dengan merangkak / mengengsot).

¹⁰⁰⁸ Hadits Abu Musa al-Asy'ari ini diwashalkan oleh Bukhari nanti di bawah باب فضل العشاء. Lihat hadits no: 534. Kata al-Qasthallaani: "Imam Bukhari mengemukakan hadits Abu Musa al-Asy'ari ini dengan shighah tamridh kerana beliau mengemukakannya berdasarkan riwayat bil ma'na. Al-Badru ad-Damaamini dan az-Zarkasyi berkata, penggunaan shighah tamridh oleh Bukhari di sini menolak da'waan Ibnu as-Shalah bahawa hadits-hadits ta'liqaat Bukhari yang dikemukakan dengan shighah tamridh adalah dha'if di sisinya. Al-Barmawi membantah pendapat Al-Badru ad-Damaamini dan az-Zarkasyi itu dengan katanya, Ibnu as-Shalah sebenarnya hanya berkata, tidak sah, bukan dha'if. Perbezaan di antara dua perkataan itu jauh sekali." Bagi penulis, kritikan ad-Damaamini dan az-Zarkasyi terhadap Ibnu as-Shalah itu tepat, kerana hadits Abu Musa itu dikemukakan oleh Bukhari sendiri di bawah باب فضل العشاء nanti secara maushul dan ia adalah sah. Dari sini dapatlah diketahui bahawa tidak semestinya hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam ta'liqaatnya dengan shighah tamridh itu dha'if. Malah banyak sekali antaranya yang sah, seperti hadits Abu Musa al-Asy'ari ini. Qaedah yang

‘Abbaas Dan ‘Aaisyah Berkata: Nabi S.A.W. Bersembahyang ‘Isyaa’ Pada Waktu ‘Atamah.¹⁰⁰⁹ Sesetengah ‘Ulama’ Meriwayatkan Daripada ‘Aaisyah, (Katanya): Nabi S.A.W. Bersembahyang ‘Atamah Pada Waktu ‘Atamah.¹⁰¹⁰ Kata Jaabir: Nabi S.A.W. Bersembahyang ‘Isyaa’.¹⁰¹¹ Kata Abu Barzah: Nabi S.A.W. Selalu Melewatkan Isyaa’.¹⁰¹² Kata Anas: Nabi S.A.W. Melewatkan Isyaa’ Yang Kedua.¹⁰¹³ Ibnu ‘Umar, Abu Ayyub Dan Ibnu ‘Abbaas (Pula) Berkata: Nabi S.A.W. Bersembahyang Maghrib Dan ‘Isyaa’.¹⁰¹⁴

dikemukakan oleh Ibnu as-Shalah itu memang benar, tetapi tidak di semua tempat. Antara maksud lain Imam Bukhari menggunakan shighah tamridh ialah: (1) Mengisyaratkan kepada riwayat yang dikemukakannya di dalam ta’liqnya adalah riwayat bil ma’na. (2) Riwayat yang dikemukakannya itu adalah riwayat yang ringkas (mukhtasar). (3) Riwayat itu meskipun sahih, tetapi ia tidak menepati syarat beliau.

¹⁰⁰⁹ Hadits Ibnu ‘Abbaas di washalkan oleh Bukhari di bawah باب النوم قبل العشاء dan hadits ‘Aaisyah pula diwashalkan beliau di bawah باب فضل العشاء.

¹⁰¹⁰ Hadits ‘Aaisyah ini diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب خروج النساء إلى المساجد بالليل.

¹⁰¹¹ Hadits Jaabir ini diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب وقت المغرب dan باب وقت العشاء.

¹⁰¹² Hadits Abu Barzah ini diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب وقت العصر.

¹⁰¹³ Hadits Anas ini diwashalkan oleh Bukhari di bawah باب العشاء إلى نصف الليل.

¹⁰¹⁴ Hadits Ibnu ‘Umar diwashalkan sendiri oleh Bukhari di dalam Kitab Haji. Hadits Abu Ayyub diwashalkan beliau di bawah Bab Haji Wadaa’ dan hadits Ibnu ‘Abbaas pula diwashalkan oleh beliau di bawah باب تأخير الظهر إلى العصر. Para ‘ulama’ salaf berbeza pendapat tentang hukum menggunakan perkataan ‘atamah untuk waktu ‘Isyaa’ dan sembahyang ‘Isyaa’. Sebahagian mereka tidak suka menggunakan perkataan ‘atamah untuk ‘Isyaa’. Antara sahabat yang tidak suka, malah melarang penggunaan seperti itu ialah Ibnu ‘Umar, perawi hadits 531 ini. Beliau dilaporkan mengherdik dan memarahi orang-orang yang memakai perkataan ‘atamah untuk ‘Isyaa’. Beliau juga dilaporkan pernah ditanya seseorang, siapakah orang yang mula-mula menamakan sembahyang ‘Isyaa’ sebagai sembahyang ‘Atamah? Jawab beliau: “Syaitan”. (Lihat Fathul Baari, ‘Umdat al-Qaari dan lain-lain). Sebahagian yang lain pula mengharuskan penggunaannya. Antara sahabat yang dilaporkan berpendapat demikian ialah Abu Bakar dan lain-lain. Ada juga yang berpendapat, hukum mengguna perkataan ‘atamah untuk ‘Isyaa’ adalah harus. Paling tinggi pun ia hanya khilaf aula (kurang elok). Itulah yang rajih pada pandangan kebanyakan ‘ulama’. Demikianlah nukil Ibnu al-Munzir daripada Malik dan as-Syafi’i. Ibnu al-Munzir sendiri memilih pendapat ini. Ini juga pendapat al-Bukhari sebagaimana nyata daripada tindakan beliau di dalam tajuk bab di atas. Di mana beliau mengemukakan beberapa dalil bagi penggunaan kedua-dua cara tersebut oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dan kebanyakan para sahabatnya. Antara alasan yang dipegang oleh golongan yang berpendapat penggunaan perkataan ‘Isyaa’ lebih baik daripada perkataan ‘atamah, walaupun perkataan ‘atamah juga boleh digunakan ialah: (1) Allah telah menggunakan perkataan ‘Isyaa’ di dalam al-Qur’an. (2) Perkataan ‘Isyaa’ berpunca daripada Syara’. Sementara perkataan ‘atamah pula berpunca daripada penggunaan orang-orang Arab badwi. (3) Penggunaan perkataan ‘atamah oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sesetengah hadits tidak bererti ia adalah lafaz yang terpilih untuk ‘Isyaa’. Penggunaan itu tidak

٥٣١ - حَدَّثَنَا عَبْدَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا يُونُسُ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ سَالِمٌ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ قَالَ صَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةَ صَلَاةِ الْعِشَاءِ وَهِيَ الَّتِي يَدْعُو النَّاسُ الْعَتَمَةَ ثُمَّ انْصَرَفَ فَأَقْبَلَ عَلَيْنَا فَقَالَ أَرَأَيْتُمْ لَيْلَتَكُمْ هَذِهِ فَإِنَّ

رَأْسَ مِائَةِ سَنَةٍ مِنْهَا لَا يَبْقَى مِنْهُوَ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ أَحَدٌ

531- 'Abdaan ('Abdullah bin 'Utsman al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami daripada al-Zuhri (Muhammad bin Musim bin Syihaab), kata Salim (bin 'Abdillah bin 'Umar): 'Abdullah (bin 'Umar) meriwayatkan kepada saya, katanya: "Rasulullah s.a.w. mengimami kami¹⁰¹⁵ bersembahyang 'Isyaa' pada suatu

lebih daripada menyatakan maksud 'Isyaa' kepada orang-orang yang tidak biasa atau belum biasa dengannya semata-mata. Oleh itu tidak timbul soal Nabi s.a.w. menamakan 'Isyaa' dengan 'atamah. (4) Penggunaan perkataan 'atamah untuk 'Isyaa' adalah hasil tasharruf perawi terhadap hadits, apabila ia diriwayatkan bil ma'na. (5) Perkataan 'Isyaa' lebih banyak digunakan di dalam hadits-hadits berbanding perkataan 'atamah. (6) Penggunaan perkataan 'atamah oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sesetengah hadits hanya menunjukkan keharusannya semata-mata. Ia tidak menunjukkan perkataan itu lebih utama digunakan daripada perkataan 'Isyaa'. (7) Larangan menamakan 'atamah untuk 'Isyaa' adalah larangan tanzih bukan tahrimi. (8) Penggunaan perkataan 'atamah untuk 'Isyaa' bersifat sementara, hanya ketika sesetengah pihak ada menggunakan perkataan 'Isyaa' untuk Maghrib. Pada ketika itu kalaulah Rasulullah s.a.w. berkata begini misalnya: لو يعلمون ما في الصبح والعشاء (Kalaulah mereka mengetahui pahala / kelebihan yang terdapat pada sembahyang Subuh dan 'Isyaa'), ia mungkin disalah fahami, dengan perkataan 'Isyaa' di dalam hadits itu dianggap sebagai sembahyang Maghrib. (9) Hadits لا تَغْلِبَنَّكُمْ الْأَعْرَابُ عَلَى اسْمِ صَلَاتِكُمُ الْعِشَاءَ فَإِنَّهَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْعِشَاءُ وَهُمْ يُعْتَمُونَ بِجَلَابِ الْإِبِلِ Bermaksud: "Janganlah sekali-kali orang-orang badwi mengalahkanmu berhubung dengan nama sembahyang 'Isyaa' mu. Kerana ia di dalam Kitab Allah adalah 'Isyaa'. (Sebabnya sembahyang 'Isyaa' dinamakan sembahyang 'Atamah ialah kerana) Mereka memerah susu unta pada waktu 'atamah." Hadits ini memansuhkan keharusan menggunakan perkataan 'atamah untuk 'Isyaa'. Bagi penulis, apa yang dilarang ialah kalau sampai penggunaan orang-orang 'Arab badwi menjadi lebih popular daripada apa yang diperkenalkan oleh Syara'. Jika tidak sampai ke peringkat itu, tidaklah ia terlarang. Buktinya ialah para sahabat masih lagi menggunakan perkataan 'atamah untuk 'Isyaa' selepas Rasulullah s.a.w.

¹⁰¹⁵ Ini adalah terjemahan kepada perkataan صَلَّى لَنَا. Haraf laam pada لَنَا seharusnya dipakai dengan erti baa'. Apa lagi memang ada tersebut di dalam sesetengah saluran riwayat lafaz صَلَّى بنا, seperti di dalam riwayat di bawah السمر بالعلم. Boleh juga ditaqdirkan perkataan إماما sebelum kata لَنَا, dengan erti sebagai imam kepada kami. Tidak harus haraf laam di sini dipakai sebagai laam ta'lil atau dengan erti لاجل, sebab ia memberi erti kerana. Sedangkan semua sembahyang dan lain-lain ibadat dilakukan kerana Allah semata-mata, bukan kerana mereka atau kerana sesuatu yang lain. Demikian kata al-Kirmaani dan al-Qasthallaani.

malam.¹⁰¹⁶ Itulah sembahyang yang orang ramai panggil 'Atamah.¹⁰¹⁷ Setelah selesai bersembahyang Baginda s.a.w. menghadapi kami, lalu berkata: “Ingat baik-baik malam ini!”¹⁰¹⁸ Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang hidup di atas muka bumi pada malam ini akan terus hidup selepas seratus tahun (bermula dari malam ini).¹⁰¹⁹

¹⁰¹⁶ Di dalam riwayat Ibnu 'Umar di bawah باب السمر بالعلم dan باب الفقه والخير بعد العشاء terdapat qaid في آخر حياته (di akhir hayat Baginda) di sini. Berdasarkan riwayat Muslim dengan isnadnya daripada Jaabir, peristiwa ini berlaku sebulan sebelum kewafatan Nabi s.a.w.

¹⁰¹⁷ Keterangan ini menunjukkan ramai juga orang memanggil sembahyang 'Isyaa' sebagai sembahyang 'Atamah pada ketika itu.

¹⁰¹⁸ Ini ialah terjemahan bagi sabda Nabi s.a.w. أَرَأَيْتُمْ لَيْلَتَكُمْ هَذِهِ. Ma'na asalnya ialah kamu nampakkah malam kamu ini? Hamzah di permulaannya adalah untuk istifham (memberi ma'na pertanyaan). Ayat ini sebenarnya digunakan untuk mendapat sesuatu berita atau cerita. Maksudnya ialah أخبروني (beritahulah kepadaku). Terjemahan mafhumnya yang sering digunakan di dalam bahasa Melayu ialah “apa katamu tentang” atau “bagaimana dengan”. Oleh kerana melihat atau nampak merupakan sebab bagi dapat menceritakan tentang sesuatu, ia digunakan sebagai ganti أخبروني (beritahulah kepadaku) berdasarkan qaedah إلتفات السبب وإرادة المسبب. Maksud Rasulullah s.a.w. sebenarnya ialah mengingatkan para sahabatnya. Mafhumnya di dalam bahasa Melayu ialah seperti yang penulis kemukakan di dalam terjemahan di atas. Kata Hafiz Ibnu Hajar, jawabnya mahzuf (dibuang). Taqdirnya ialah قالوا نعم قال فاضبطوها (jawab jawab mereka: “Ya”, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu ingat baik-baik malam ini!”). (Lihat Fathul Baari j. 1, m/s 211). Kesimpulannya ialah kalam di atas zahirnya berupa pertanyaan, tetapi pada hakikatnya ia mengandungi ma'na tanbih atau peringatan (استفهام لفظاً وتنبيه معنًى). Itulah alasan penulis menterjemahkannya begitu.

¹⁰¹⁹ Di akhir hadits Ibnu 'Umar di bawah باب الفقه والخير بعد العشاء terdapat keterangan beliau tentang maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini. Kata beliau: يُرِيدُ بِذَلِكَ أَنَّهَا تَحْرُمُ ذَلِكَ الْقَرْنَ (maksud sabda Rasulullah s.a.w. itu ialah generasi para sahabatnya akan habis apabila berlalu seratus tahun dari malam berkenaan). **Itulah maksud Rasulullah s.a.w.** daripada hadits ini yang difahami oleh sahabat-sahabat agung Baginda selain Ibnu 'Umar, seperti 'Ali, Jaabir dan lain-lain. Menurut Ibnu Batthaal: “Nabi s.a.w. bersabda demikian untuk mengingatkan para sahabatnya, bahawa umur mereka tidak panjang seperti umat-umat yang lalu. Dalam masa seratus tahun, bermula dari malam berkenaan, semua mereka akan mati. Oleh itu, mereka hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh beribadat kepada Allah dalam masa yang singkat itu.” Imam an-Nawawi pula berkata: “Maksudnya ialah semua orang yang ada di bumi pada malam itu tidak akan hidup lagi selepas seratus tahun kemudian. Sama ada ia sebelum malam berkenaan masih muda atau telah tua. Hadits ini tidak menafikan adanya orang yang akan lahir selepas malam itu berumur seratus tahun atau lebih dari seratus tahun.” Inilah maksud sebenar hadits di atas. Adapun orang-orang yang menyimpulkan ma'na-ma'na lain selain itu, semuanya meleset. Abu Umaamah bin an-Naqqaash misalnya beristidlal dengan hadits di atas tentang tidak ada umat Muhammad berumur melebihi seratus tahun. Pendapat beliau ini jelas meleset apabila dilihat kepada sekian ramai sahabat, tabi'in, tab'i at-tabi'in dan generasi-generasi kemudian daripada mereka yang berumur lebih seratus tahun. Di kalangan sahabat misalnya, Hakim bin Hizaam bin Khuwailid, Hassaan bin Tsabit, Huwaithib bin 'Abdil 'Uzza, Sa'id bin Yarbu', Hamnan bin 'Auf dan Makhramah bin Naufal adalah antara sahabat yang panjang umurnya, menjangkau seratus dua puluh tahun. Umur Anas bin Malik lebih seratus tahun. Qadhi Syuraih (salah seorang tabi'in terkemuka) meninggal dunia ketika berumur seratus lapan tahun lebih. Qadhi Abu at-Thaiyyib

Thahir bin 'Abdillah at-Thabari hidup selama seratus dua tahun. Dan ramai lagi lain-lain tokoh yang tercatat di dalam sejarah berumur lebih seratus tahun. Imam az-Zahabi ada menulis satu risalah yang mengumpulkan nama-nama tokoh yang berumur seratus tahun atau lebih seratus tahun. Risalah itu bernama **كتاب أهل المائة فصاعدا**, **Ramalan Rasulullah s.a.w. di dalam** hadits ini menjadi kenyataan dengan wafatnya Abu a-Thufail 'Aamir bin Waatsilah menurut pendapat yang sahih pada tahun 110H. Beliau adalah sahabat Nabi s.a.w. yang paling akhir meninggal dunia. Hadits ini merupakan salah satu dalil yang dipegang oleh Imam Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya tentang telah matinya (Nabi) Khadhir a.s. Orang-orang yang mempercayai Khadhir masih hidup hingga sekarang menta'wil hadits ini dengan beberapa ta'wilan. Antaranya: (1) Apa yang tersebut di dalam hadits ini ialah orang yang hidup di atas muka bumi pada malam itu. Boleh jadi pada malam itu Khadhir tidak berada di atas muka bumi, tetapi beliau berada di atas laut atau di dalam laut. (2) Hadits ini adalah umum makhsus. Ia tidak seharusnya dipakai seumumnya. Malah ada juga yang berada di atas muka bumi pada malam itu terkecuali. Seperti malaikat, Iblis, syaitan, jin, Khadhir dan lain-lain. Boleh jadi juga مَنْ yang umum di dalam hadits itu dikhususkan dengan manusia sahaja. (3) Muka bumi yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukanlah seluruh muka bumi. Tetapi bumi di mana Baginda s.a.w. berada dan kawasan-kawasan sekitarnya sahaja iaitu Hijaz, Tihamah dan Najd. Penggunaan perkataan الأرض di sini sama seperti penggunaan perkataan الأرض di dalam firman Allah: **أَوْ يَنْفُوا مِنَ الْأَرْضِ** Bermaksud: atau (mereka) dibuang negeri (al-Maa'idah:33) dan di dalam firmanNya: **قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ** Bermaksud: Yusuf berkata: Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). (Yusuf:55). Boleh jadi Khadhir pada malam berkenaan berada di kawasan bumi yang lain. (4) Adanya ramai sangat alim 'ulama' dan orang-orang saleh yang menda'wa telah bertemu dengan Khadhir dari zaman dahulu hingga ke hari ini. Kalau beliau telah meninggal dunia, bagaimana beliau ditemui di serata dunia oleh sekian ramai alim 'ulama' dan orang-orang saleh itu? **Jelas sekali lemahnya ta'wilan-ta'wilan** yang dikemukakan itu. Ia sama sekali tidak layak dijadikan hujah dalam agama yang dapat menolak hadits sahih di atas. Tidak perlu juga rasanya penulis menghabiskan masa untuk menjawabnya. Kecuali ta'wilan nombor (2) dan nombor (3). Boleh diterima kalau yang dikecualikan daripada umum orang yang berada di atas muka bumi pada malam berkenaan ialah malaikat, Iblis, syaitan atau jin. Tetapi kenapa Khadhir termasuk dalam kalangan yang terkecuali? Bukankah beliau juga manusia? Mana pula dalil yang mengecualikan beliau daripada umum orang yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas? Tidak ada! **Kalau diandaikan Khadhir pada** malam itu berada di kawasan bumi yang lain, tidak mungkinkah juga ada lagi manusia di atas muka bumi yang lain itu selain beliau? Sekurang-kurangnya sebahagian atau beberapa orang daripada mereka juga mungkin ada yang terkecuali daripada sabda Nabi s.a.w. itu? Kenapa ia khusus dengan Khadhir sahaja. Berapa panjang pula umur mereka? Adakah sampai lebih tiga ribu tahun seperti Khadhir? Mana dalil yang kukuh yang boleh dijadikan pegangan untuk terkecualinya mereka? Kalau begitu tidak ada lagi kelebihan dan mu'jizat di dalam sabda Nabi s.a.w. tersebut! Apa lagi kalau dilihat kepada hadits Jaabir yang diriwayatkan oleh Muslim. Ia jelas tidak mengecualikan mana-mana manusia yang bernyawa di muka bumi pada malam itu. Lihat hadits Jaabir yang dimaksudkan itu: **حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ حَبِيبٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى كِلَاهُمَا عَنْ الْمُعْتَمِرِ قَالَ ابْنُ حَبِيبٍ حَدَّثَنَا مُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي حَدَّثَنَا أَبُو نَضْرَةَ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ ذَلِكَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِشَهْرٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ مَا مِنْ نَفْسٍ مَنُوفَسَةِ الْيَوْمِ تَأْتِي عَلَيْهَا مِائَةٌ سَنَةٍ وَهِيَ حَيَّةٌ يَوْمَئِذٍ** Bermaksud: Jaabir bin 'Abdillah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda begini kira-kira sebulan sebelum kewafatan Baginda: "Tidak ada seorang pun manusia yang bernyawa hari ini akan terus hidup selama seratus tahun. Nah! Tidak ada di dalam hadits ini qaid "di atas muka bumi". Sehingga boleh dita'wilkan dengan muka bumi tertentu. Sementara sebahagian muka bumi yang lain pula terkecuali! Tidak ada juga di dalamnya isyarat kepada terkecualinya manusia tertentu daripada ramalan Baginda s.a.w. itu. Nakirah (نفس) di halaman

nafi (ما) dan مِنَ الزائدة sebelumnya bahkan menguatkan lagi erti umum setiap orang yang bernyawa. Termasuk juga Khadhir, jika diandaikan beliau masih hidup lagi pada ketika itu. **Apa yang boleh disebut** sebagai dalil dan hujah di pihak orang-orang yang berpendapat Khadhir masih hidup hingga sekarang, sebenarnya satu pun tidak ada. Antara yang disebut-sebut sebagai dalil kononnya oleh mereka ialah: (1) Hadits yang diriwayatkan oleh Haakim di dalam al-Mustadraknya: أخبرنا أبو بكر أحمد بن محمد بالويه ثنا محمد بن بشر بن مطر ثنا كامل بن طلحة ثنا عباد بن عبد الصمد عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال لما قبض رسول الله صلى الله عليه وسلم أحرق به أصحابه فبكوا حوله واجتمعوا فدخل رجل أصهب اللحية جسيم صبيح فتخطى رقابهم فبكى ثم التفت إلى أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال إن في الله عزاء من كل مصيبة وعوضا من كل فائت وخلفا من كل هالك فإلى الله فأنبيوا وإليه فارغبوا ونظرة إليكم في البلاء فانظروا فإنما المصاب من لم يجبر وانصرف فقال بعضهم لبعض تعرفون الرجل فقال أبو بكر وعلي نعم هذا أخو رسول الله صلى الله عليه وسلم الخضر عليه السلام Bermaksud: Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: Setelah nyawa Rasulullah s.a.w. diambil, mata para sahabat terpaku pada Baginda. Mereka menangis di sekeliling Baginda. Tiba-tiba masuk seorang lelaki berjanggut perang, gempal dan cantik wajahnya. Setelah melangkah tengkuk-tengkuk mereka, dia menangis. Kemudian berpaling kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. lalu berkata: “Sesungguhnya pada Allah ada penghibur untuk setiap musibah (yang menimpa), pengganti untuk setiap yang hilang dan pengganti untuk setiap yang musnah. Kepada Allah hendaklah kamu kembali. KepadaNya jua hendaklah kamu berharap. Ada pengajaran untuk kamu pada bala (ujian yang menimpa) ini. Oleh itu kamu hendaklah mengambil pengajaran (daripadanya). Orang yang ditimpa malapetaka sebenarnya ialah orang yang tidak tertampung kesedihannya. Orang itu pun pergi. Maka sebahagian mereka (sahabat) bertanya kepada sebahagian yang lain, kamu kenalkah orang tadi? Jawab Abu Bakar dan ‘Ali: “Ya”. Itulah saudara Rasulullah s.a.w. al-Khadhir a.s. (Lihat Mustadrak Haakim. J. 3, m/s 60). Hadits ini tidak layak dijadikan dalil kerana kedha'ifannya. Di dalam isnadnya terdapat seorang perawi sangat dha'if bernama ‘Abbaad bin ‘Abdus Shamad. Dialah yang meriwayatkan hadits itu daripada Anas bin Malik, sahabat Nabi s.a.w. Imam Bukhari berkata tentangnya, dia seorang perawi munkarul hadits. Ibnu Hibbaan mengatakan dia lemah. Satu nuskah hadits telah diriwayatkannya daripada Anas. Kebanyakannya adalah maudhu'. Kata Abu Hatim, ‘Abbaad dha'if sangat. Kata Ibnu ‘Adi, kebanyakan hadits yang diriwayatkannya adalah berkenaan dengan kelebihan ‘Ali. Dia seorang dha'if dan melampau dalam fahaman Syi'ahnya. (Lihat Mizan al-Itidaal j.2, m/s 369). Al-Haakim sendiri selepas mengemukakan riwayat ini berkata: “Hadits ini merupakan syahid bagi hadits yang tersebut sebelumnya. walaupun ‘Abbaad bin ‘Abdus Shamad bukan perawi yang menepati syarat kitab ini. (2) Di bawah باب فِي صِفَةِ الدَّجَالِ وَتَحْرِيمِ الْمَدِينَةِ عَلَيْهِ وَقَتْلِهِ Imam Muslim dengan sanadnya mengemukakan hadits Abu Sa'id al-Khudri, kata beliau: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا حَدِيثًا طَوِيلًا عَنْ الدَّجَالِ فَكَانَ فِيهِمَا حَدَّثَنَا قَالَ يَأْتِي وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْهِ أَنْ يَدْخُلَ نَقَابَ الْمَدِينَةِ فَيَنْتَهِي إِلَى بَعْضِ السَّبَاحِ الَّتِي تَلِي الْمَدِينَةَ فَيَخْرُجُ إِلَيْهِ يَوْمِئِذٍ رَجُلٌ هُوَ خَيْرُ النَّاسِ أَوْ مِنْ خَيْرِ النَّاسِ فَيَقُولُ لَهُ أَشْهَدُ أَنَّكَ الدَّجَالُ الَّذِي حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثُهُ فَيَقُولُ الدَّجَالُ أَرَأَيْتُمْ إِنْ قَتَلْتُ هَذَا ثُمَّ أَحْيَيْتُهُ أَتَسْكُونُ فِي الْأَمْرِ فَيَقُولُونَ لَا قَالَ فَيَقْتُلُهُ ثُمَّ يُحْيِيهِ فَيَقُولُ حِينَ يُحْيِيهِ وَاللَّهِ مَا كُنْتُ فِيكَ قَطُّ أَشَدَّ بَصِيرَةً مِنِّي الْآنَ قَالَ فَيُرِيدُ الدَّجَالُ أَنْ يَقْتُلَهُ فَلَا يَسْلُطُ عَلَيْهِ Bermaksud: Pernah pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bercerita panjang tentang Dajjaal. Antara yang diceritakan oleh Baginda tentangnya ialah kata Baginda: “Ia (Dajjaal) akan datang - Ia tidak akan dapat masuk ke lorong-lorong (jalan-jalan) Madinah - sehingga ke sebahagian kawasan tanah tidak subur dekat Madinah. Maka keluarlah kepadanya pada hari itu seorang lelaki yang merupakan sebaik-baik manusia atau antara manusia terbaik. Lalu lelaki itu berkata kepadanya: “Aku bersaksi bahawa sesungguhnya engkau adalah Dajjaal yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w.” Kata Dajjaal: “Bagaimana kalau aku bunuh orang ini kemudian aku hidupkannya. Adakah kamu masih ragu tentang da'waanku (sebagai tuhan)?” Jawab orang-orang yang ada di situ: “Tidak”. Kata Nabi s.a.w.: “Maka dibunuhnya lelaki itu. Kemudian dihidupkannya. Setelah dihidupkan semula, lelaki itu terus berkata: “Demi Allah! Keyakinanku (tentang kebohonganmu) tidak pernah sekuat sekarang.” Nabi s.a.w. (terus) bercerita, kata

Baginda: “Dajjaal hendak membunuhnya (sekali lagi), tetapi tidak mampu.” Setelah selesai hadits ini dikemukakan oleh Imam Muslim, Abu Ishaq Ibrahim bin Sufyan murid Muslim mengomentarkannya begini: **قال أبو إسحاق يُقَالُ إِنَّ هَذَا الرَّجُلَ هُوَ الْخَضِرُ عَلَيْهِ السَّلَامُ** Bermaksud: Kata Abu Ishaq, dikatakan lelaki (yang tersebut di dalam hadits) itu ialah al-Khadhir a.s. **Jelas sekali penetapan lelaki** yang tersebut di dalam hadits itu sebagai Khadhir bukan tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w. Bukan juga ia kata-kata Muslim. Apa yang disebut oleh murid Muslim, Abu Ishaq bukan hujah dalam agama. Beliau pun hanya mengemukakannya dengan shighah tamridh sahaja. Ia mengisyaratkan kepada kedha'ifan apa yang dikemukakannya itu. (3) Al-'Uqaili, ad-Daaraquthni, Ibnu 'Adi, Ibnu a-Jauzi, Ibnu 'Asaakir dan lain-lain meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbaas daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: **يَلْتَقِي الْخَضِرُ وَالْيَاسَ فِي كُلِّ عَامٍ فِي الْمَوْسَمِ بَمَنَى فَيُحَلِّقُ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا رَأْسَ صَاحِبِهِ وَيَتَفَرَّقَانِ عَنْ هَوَاءِ الْكَلِمَاتِ بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَسُوقُ الْخَيْرَ إِلَّا اللَّهُ مَا شَاءَ اللَّهُ مَا يَصْرِفُ السُّوءَ إِلَّا اللَّهُ مَا شَاءَ اللَّهُ مَا كَانَ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنْ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ مَنْ قَالَهُنَّ حِينَ يَصْبِحُ وَحِينَ يَمَسِي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ أَمِنَهُ** Bermaksud: (Nabi) Khadhir dan (Nabi) Ilyas bertemu setiap tahun pada musim haji di Mina. Mereka berdua saling mencukur kepala dan berpisah dengan mengucapkan beberapa ucapan berikut: **بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَسُوقُ الْخَيْرَ إِلَّا اللَّهُ مَا شَاءَ اللَّهُ مَا يَصْرِفُ السُّوءَ إِلَّا اللَّهُ مَا شَاءَ اللَّهُ مَا كَانَ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنْ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ**. Sesiapa mengucapkannya tiga kali setiap pagi dan petang, Allah akan mengamankannya daripada mati lemas, dicuri barang, syaitan, sultan, ular dan kala jengking. Di dalam isnadnya ada seorang perawi bernama al-Hasan bin Razin. Dia adalah seorang perawi dha'if. Kata Ibnu al-Munaadi: “Hadits ini dha'if kerana ada al-Hasan bin Razin di dalam isnadnya. Nabi Khadhir dan Ilyas kedua-duanya sudah meninggal dunia.” Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Ada lagi saluran yang lain bagi hadits ini selain saluran al-Hasan bin Razin. Tetapi di dalam isnadnya ada Ahmad bin 'Umaarah dan Mahdi bin Hilal. Ahmad bin 'Umaarah dan Mahdi bin Hilal adalah dua orang perawi dha'if dan matruk (yang dk diterima periwayatnnya). Kata Ibnu Hibbaan: “Mahdi bin Hilal meriwayatkan hadits-hadits maudhu'.”

(4) Hafiz Ibnu Hajar menukilkan satu riwayat yang dikemukakan oleh Ya'qub bin Sufyan di dalam Tarikhnya dan Abu 'Arubah daripada Riyaah bin 'Ubaidah, katanya: “Pernah saya Nampak seorang lelaki yang sambil memegang kedua belah tangannya berjalan kaki bersama 'Umar bin 'Abdil 'Aziz. Setelah orang itu pergi, saya bertanya 'Umar. Siapa orang itu? Kata 'Umar: “Engkau nampak dia?” Jawab saya: “Ya”. Kata 'Umar: “Saya kira engkau seorang yang baik. Itulah saudaraku Khadhir. Dia telah memberi berita gembira kepadaku, bahawa aku akan memerintah dengan adil.” Selepas mengemukakannya Hafiz Ibnu Hajar berkata: **لَا بَأْسَ بِرَجَالِهِ وَلَمْ يَقَعْ لِي إِلَى الْآنَ خَيْرٌ وَلَا أَثَرٌ بِسَنَدٍ جَيِّدٍ غَيْرِهِ** (perawi-perawinya okey. Hingga sekarang saya tidak bertemu lagi hadits dan atsar (berkenaan dengan Khadhir) dengan sanad yang elok selain atsar ini). Kemudian beliau berkata: “Atsar ini tidak dapat menandingi hadits di atas. Selain ia adalah peristiwa yang berlaku sebelum melewati seratus tahun yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.” Selain tiga riwayat ini, terdapat beberapa riwayat lagi yang dijadikan sandaran oleh golongan yang mempercayai Khadhir masih hidup sekarang dan akan terus hidup hingga ke akhir zaman, apabila keluar Dajjaal nanti. Tetapi sebenarnya tidak ada satu pun daripadanya sahih. Untuk lebih jelas lihat Fathul Baari j.6 m/s 433-435 di bawah **باب حديث الخضر مع موسى عليهما السلام**. **Golongan yang percaya Khadhir** telah mati pula berpegang dengan beberapa dalil lain selain hadits 531 dan Hadits riwayat Muslim yang dikemukakan tadi. Sandaran mereka dalam perkara ini ialah al-Qur'an, al-hadits, hasil kajian 'ulama' muhaqqiqin dan logik serta dirayah. Antara dalil al-Qur'an yang menjadi pegangan mereka ialah:

(1)

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْ قَبْلِكَ الْخُلْدَ أَفَلَا يَمِتُّ فَهُمُ الْخَالِدُونَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (Wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup

selama-lamanya? (al-Anbiyaa':34). Ayat ini menunjukkan tidak ada seorang pun manusia dapat hidup kekal di dunia atau berumur terlalu panjang seperti dikaitkan dengan Khadhir. Kalau ada, tentulah ia menjadi suatu keajaiban dalam kejadian Allah. Dan tentu sekali ia ada tersebut sama ada di dalam al-Qur'an atau al-hadits sebagai salah satu tanda kebesaran Allah.

(2)

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا آتَيْنَاكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari nabi-nabi (dengan firmanNya): “Sesungguhnya apa jua kitab dan hikmat yang Aku berikan kepadamu, kemudian datang pula kepadamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada padamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya”. Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): “Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiKu secara yang demikian itu?” Mereka menjawab: “Kami beriqrar (mengakui dan menerimanya)”. Allah berfirman lagi: “Jika demikian, maka saksikanlah kamu (wahai para nabi), dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu.” (Aali 'Imraan:81). Kebanyakan 'ulama' berpendapat Khadhir adalah seorang nabi. Kalau begitu beliau juga terikat dengan perjanjian setia yang tersebut di dalam ayat di atas. Perjanjian bahawa bilamana datang seorang rasul bernama Muhammad, mereka akan beriman kepadanya dan menolongnya. Jika Khadhir masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w. - dalam keadaan beliau bebas pergi ke mana-mana tempat yang dikehendakinya sesuai dengan kepercayaan orang-orang yang menganggap beliau masih hidup - beliau sepatutnya pergi menolong Baginda s.a.w., sekurang-kurangnya dalam peperangan-peperangan yang dilancarkan oleh Baginda s.a.w. Tetapi tidak tersebut di dalam mana-mana ayat al-Qur'an atau hadits bahawa Khadhir pernah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam mana-mana peperangan yang pernah dilancarkan oleh Baginda s.a.w. 'Aqal yang sejahtera tidak dapat menerima seorang nabi yang telah membuat perjanjian setia dengan Allah akan memungkirkan janjinya! **Para 'ulama' muhaqqiqin seperti** Imam Bukhari, Ibrahim al-Harbi, Abu Ja'far Ibnu al-Munaadi, Abu Ya'la bin al-Farraa', Abu Thahir al-'Abbaadi, Abu Bakar Ibnu al-'Arabi, Ibnu al-Jauzi, Ibnu Taimiyyah, Ibu al-Qaiyyim, Ibnu Katsir, Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain adalah antara tokoh yang berpendapat Khadhir telah pun mati. Walaupun ada tokoh-tokoh hadits yang berpendapat Khadhir masih hidup hingga sekarang, namun kebanyakan mereka berpendapat beliau telah mati. Antara tokoh hadits yang menerima Khadhir masih hidup ialah Ibnu as-Shalah dan muridnya an-Nawawi. Ibnu as-Shalah malah telah berkata: هو حي عند جمهور العلماء والصالحين والعامّة معهم في ذلك وإنما شذّ بأكثاره بعض المحدثين Bermaksud: “Beliau (Khadhir) masih hidup menurut jumhur 'ulama'. Orang ramai bersama mereka dalam perkara ini. Hanya ada segelintir muhadditsin sahaja yang telah terkeluar daripada kumpulan.” An-Nawawi pula di dalam Syarah Muslim dan Tahzibu al-Asmaa' wa al-Lughaatnya berkata: جمهور العلماء على انه حي موجود بين أظهرنا وذلك متفق عليه عند الصوفية واهل الصلاح والمعرفة وحكاياتهم في رؤيته الشريفة ومواطن الخير أكثر من ان يحصر وأشهر من ان يستر والاجتماع به والاخذ عنه وسؤاله وجوابه ووجوده في المواضع Bermaksud: “Menurut jumhur 'ulama', beliau (Khadhir) masih hidup dan ada di kalangan kita. Ini adalah suatu perkara yang disepakati di kalangan orang-orang Sufi, orang-orang saleh dan ahli ma'rifat. Cerita-cerita mereka tentang pernah melihatnya, duduk bersama-samanya, belajar sesuatu daripadanya dan bersoal jawab dengannya, beliau berada di tempat-tempat suci dan tempat-tempat berkebajikan tidak terhingga banyaknya dan begitu masyhur, diketahui semua orang.” Hairan! Jumhur 'ulama' mana yang dimaksudkan oleh Ibnu as-Shalah dan an-Nawawi itu!! Pengarang 'Aunu al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Daud, Maulana Syamsul Haq al-'Azimabaadi membantah kata-kata Ibnu as-Shalah dan an-Nawawi itu dengan katanya: ما قاله Bermaksud: “Apa

yang dikatakan oleh an-Nawawi bahawa jumhur 'ulama' berpendapat Khadhir masih hidup itu tidak sah. Hafiz Ibnu Hajar telah menolaknya di dalam al-Ishaabah." Abu Haiyyan di dalam Tafsirnya berkata sebaliknya: والجمهور على أنه مات Bermaksud: "Jumhur 'ulama' berpendapat beliau (Khadhir) telah mati." (Lihat Tafsir al-Bahru al-Muhith j.7, m/s 484). Apakah tokoh-tokoh utama hadits seramai yang tersebut di atas sekurang-kurangnya boleh dikatakan golongan yang syaz? "Hanya ada segelintir muhadditsin sahaja yang telah terkeluar daripada kumpulan."? Mereka pula berpegang dengan dalil-dalil yang kukuh berupa al-Qur'an dan hadits-hadits yang sah! Menurut hukum 'adat, seorang yang hidup di zaman nabi Musa iaitu kira-kira 2000 tahun sebelum kelahiran nabi Muhammad s.a.w. tidak mungkin hidup sampai ke hari ini. Apalagi kalau dikatakan ia tidak dimakan usia, bebas ke mana-mana dan terlindung pula dari pandangan manusia! Untuk mempercayai kewujudan orang seperti itu semestinya kita umat Islam memerlukan dalil yang kukuh. Imam Bukhari pernah ditanya tentang Khadhir, adakah dia masih hidup? Jawab beliau: "Bagaimana dia akan hidup. Nabi s.a.w. telah bersabda: أَرَأَيْتُمْ لِيَأْتِيَكُم هَذِهِ فَإِنَّ أَرَأَيْتُمْ لِيَأْتِيَكُم هَذِهِ فَإِنَّ رَأْسَ مِائَةِ سَنَةٍ مِنْهَا لَا يَبْقَى مِمَّنْ هُوَ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ أَحَدٌ Bermaksud: "Ingat baik-baik malam ini!

Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang hidup di atas muka bumi pada malam ini akan terus hidup selepas seratus tahun (bermula dari malam ini). Hadits di ataslah yang menjadi pegangan Bukhari dalam membuat keputusan tentang Khadhir telah mati. Abu al-Khatthaab bin Dihyah berkata: وجميع ما ورد في حياته لا يصح منه شيء باتفاق أهل النقل Bermaksud: Para 'ulama' hadits sekata berhubung dengan semua hadits tentang Khadhir masih hidup, bahawa tidak ada satu pun daripadanya yang sah. **Pada pendapat penulis, teori** kehidupan Khadhir atau Khadhir masih hidup asalnya dikemukakan oleh Syi'ah untuk menjustifikasikan teori imam Mahdi mereka. Ini kerana syi'ah selalu berhujah dengan mengatakan: "Apalah yang menghairankan sangat kalau kami mempercayai imam Mahdi iaitu imam kedua belas kami masih hidup! Dia masih lagi membimbing dan memberi bantuan kepada pengikut-pengikutnya. Bukankah kamu juga percaya Khadhir masih hidup? Padahal umurnya jauh lebih tua dari imam Mahdi yang kami percayai. Kalau Allah berkuasa memanjangkan umur Khadhir di samping menyembunyikannya dari penglihatan orang ramai, kenapakah pula Dia tidak berkuasa memanjangkan umur al-Mahdi dan menyembunyikannya seperti Khadhir dari penglihatan orang ramai? Teori Khadhir masih hidup bagi penulis tidak lebih daripada perangkap syi'ah yang dipasang mereka di arena tasauf. Setiap orang yang masuk ke arena tasauf pasti akan terjebak ke dalam perangkap yang dipasang mereka itu, dan secara tidak langsung mereka telah terperdaya dan terpengaruh dengan syi'ah. Tidak terkecuali dalam hal ini nampaknya 'ulama'-'ulama' hadits yang menceburi bidang tasauf atau yang terlalu bersangka baik terhadap pengamal-pengamal tasauf. Dengan menerima konsep ini golongan Ahli as-Sunnah seolah-olahnya telah terperangkap dengan jerat yang dipasang mereka sendiri. Mulut Ahli as-Sunnah yang menerima Khadhir masih hidup akan terkunci terus apabila Syi'ah mengemukakan konsep al-Mahdi yang dipercayai mereka. Itulah sebenarnya yang dikehendaki Syi'ah!! Teori Khadhir masih hidup juga ternyata tiada nilainya apabila ditimbang dengan neraca logik dan dirayah. **Dari sudut logik dan dirayah** teori itu tertolak dengan 14 alasan berikut: (1) Di antara golongan yang menerima Khadhir masih hidup ada yang mempercayai beliau adalah salah seorang anak Nabi Adam a.s. sendiri atau beliau adalah salah seorang cucu-cicit Baginda. Kalau begitu, umur beliau bukan 3000 tahun lagi, malah lebih dari 6000 ribu tahun. Menurut hukum 'adat, tidak pernah ada manusia berumur sepanjang itu. (2) Ada juga yang mengatakan Khadhir pernah menjadi menteri Iskandar Zulqarnain. Soalnya kalau diterima beliau anak Nabi Adam a.s. sendiri atau diterima sebagai piut Nabi Adam sekalipun, tentu umurnya pada ketika itu paling tidak sudah melebihi 2000 tahun. Tentu sekali menteri Iskandar Zulqarnain yang begitu panjang umurnya itu mendapat perhatian semua pihak dan perihal umurnya tercatat dalam sejarah. Tetapi tidak ada pula sejarah mencatatkan begitu. (3) Kalau Khadhir telah wujud sebelum zaman Nabi Nuh a.s. Sudah tentu ketika taufan dan banjir

besar berlaku, beliau juga termasuk di antara orang-orang yang menumpang bahtera Nuh. Tetapi tidak ada siapa pun di kalangan ahli sejarah menukilkan begitu. (4) Para 'ulama' Tafsir bersepakat tentang orang-orang yang menaiki bahtera Nuh telah mati kesemuanya setelah bahtera itu mendarat. Itulah bagi mereka maksud firman Allah:

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُ هُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: dan Kami jadikan zuriat keturunannya sahaja orang-orang yang tinggal hidup melanjutkan keturunan. (As-Shaaffaat:77). Kenyataan ini menolak pendapat orang-orang yang mengatakan Khadhir telah wujud sebelum zaman Nabi Nuh a.s. (5) Kalau benar Khadhir telah dilahirkan sebelum Nabi Nuh a.s. dan beliau terus hidup sampai ke akhir zaman, tentu ia merupakan sebesar-besar tanda dan ke'ajaiban kejadian Allah. Tentulah ceritanya tersebut pada beberapa tempat di dalam al-Qur'an, justeru ia merupakan sebesar-besar tanda rububiyah Allah. Allah telah menyebutkan di dalam al-Qur'an umur Nabi Nuh yang begitu panjang sebagai tanda kebesaranNya. Padahal umurnya tidak lebih seribu tahun. Hanya 950 tahun sahaja. Lihat firman Allah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٠٦﴾

Bermaksud: dan sesungguhnya Kami telah mengutus (Nabi) Nuh kepada kaumnya, maka tinggallah ia di antara mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan, sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka). (al-'Ankabut:14). Bagaimana dengan orang yang terus hidup samai ke akhir zaman?! Kenapa tidak disebutNya walaupun hanya pada satu tempat di dalam al-Qur'an?? Kerana itulah Imam Ibrahim al-Harbi berkata: "Perkara ini tidak disebarkan di kalangan manusia kecuali oleh syaitan." (6) Berkata Khadhir masih hidup bererti mengucapkan sesuatu atas nama Allah tanpa sebarang ilmu. Perbuatan seperti itu haram berdasarkan nas al-Qur'an. Haramnya jelas sekali. Kalau Khadhir masih hidup, tentu al-Qur'an dan as-Sunnah ada menyebut tentangnya. Tentu juga sekalian umat bersepakat tentangnya. Sekarang Kitab Allah ada di hadapan kita. Di mana ada tersebut di dalamnya tentang Khadhir masih hidup? As-Sunnah juga ada di hadapan kita. Di mana ada tersebut di dalamnya tentang Khadhir belum mati? Adakah para 'ulama' di sepanjang masa telah berijmaa' tentang Khadhir masih hidup? (7) Pegangan orang-orang yang berpendapat Khadhir masih hidup hanyalah hadits-hadits dha'if dan muadhu' atau hikayat-hikayat yang disampaikan oleh orang-orang yang menda'wa telah melihatnya atau telah bertemu dengannya. Hairan! Bagaimana ia mengetahui orang yang dilihatnya atau ditemuinya itu Khadhir? Adakah ada padanya sesuatu tanda atau isyarat yang menunjukkan orang berkenaan adalah Khadhir? Kalau ia berkata sayalah Khadhir sekalipun, bagaimana seseorang itu dapat yakin yang ia benar-benar Khadhir? Tidak ada kemungkinankah menda'wa itu berdusta? (8) Orang-orang yang menda'wa telah melihat Khadhir atau telah bertemu dengannya pula tidak sekata. Ada yang mengatakan Khadhir sebagai seorang yang sudah sangat tua. Ada yang mengatakan ia masih muda belia. Keadaan rupanya juga dikatakan berbeza-beza. Jadi mana satu antaranya yang benar dan tepat? (9) Sama ada anda menerima kewujudan Khadhir bermula sebelum zaman Nabi Nuh atau beliau hidup sezaman dengan Nabi Musa a.s. Kenapa ia tidak kelihatan kepada orang ramai? Untuk apa beliau disembunyikan daripada pandangan manusia? Bukankah berdasarkan hadits-hadits yang sahih Khadhir adalah seorang manusia yang dapat dilihat dan memang dikenali ramai sekurangnya ketika beliau hendak menumpang sebuah kapal bersama Nabi Musa? Kalau begitu sejak bila beliau tidak dapat dilihat oleh orang ramai? Dan kenapa?? (10) Setelah bertemu dengan Nabi Musa Kalimullah (seorang nabi yang mempunyai keistimewaan dapat bercakap secara langsung dengan Allah), Khadhir akhirnya telah berpisah dari Baginda. Beliau sendiri yang hendak berpisah dengan Nabi Musa. Sesuai dengan firman Allah: هَذَا فراق بيني وبينك (Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu). (al-Kahfi:78). Soalnya bagaimana Khadhir tidak berasa

بَابُ وَقْتِ الْعِشَاءِ إِذَا اجْتَمَعَ النَّاسُ أَوْ تَأَخَّرُوا

103- Bab: Waktu Isyaa ` Apabila Orang Ramai Sudah Berkumpul Atau (Apabila) Mereka Lewat (Berkumpul).¹⁰²⁰

keberatan berpisah dengan manusia seperti Nabi Musa a.s., kemudian dengan segala sukacitanya sentiasa bertemu dengan ahli-ahli ibadat yang jahil tentang syari'at, orang-orang yang tidak hadir bersembahyang Juma'at dan jama'ah, tidak hadir juga dalam majlis-majlis ilmu, malah tidak tahu apa pun tentang agama Islam. Masing-masing mereka menda'wa kononnya: "Kata Khadhir", "Khadhir telah datang kepadaku", "Pesan Khadhir kepadaku" dan lain-lain. Cuba fikir, bagaimana Khadhir dengan mudah dapat berpisah dari Nabi Musa a.s., kemudian menghabiskan masanya ke sana kemari untuk bertemu dengan orang-orang jahil, orang-orang yang tidak tahu hatta berwudhu' dan bersembahyang pun! (11) Seseorang yang menda'wa dia Khadhir, lalu berkata: "Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda begini-begini", bukan merupakan hujah dalam agama dan kata-katanya itu tidak perlu dihiraukan langsung menurut ijmaa' umat Islam. Ini kerana pada hakikatnya Khadhir tidak pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan tidak pernah juga berbai'ah dengan Baginda s.a.w. Kalau beliau masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w., semestinya beliau telah pergi bertemu Baginda s.a.w. sekurang-kurangnya satu kali. Bagaimana beliau dengan bebas dapat pergi ke mana-mana dan dapat bertemu dengan sesiapa saja yang dikehendakinya, tetapi untuk bertemu dengan Rasulullah s.a.w. satu kali pun tak dapat! (12) Kalau Khadhir pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w., tentu namanya tersenarai sebagai seorang sahabat. Tetapi tidak ada pula 'ulama' rijal yang memasukkan nama beliau dalam senarai sahabat. Kalau beliau seorang sahabat, tidak benarliah kata-kata para 'ulama' bahawa sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling akhir meninggal dunia ialah Abu at-Thufail 'Aamir bin Waatsilah. Kenapa pula beliau yang wafat pada tahun 110H itu dikatakan yang paling akhir wafat? Bukankah ada lagi seorang sahabat yang belum meninggal dunia? Namanya Khadhir! Jawab, siapakah di kalangan 'ulama' yang berkata begini? (13) Saiz orang-orang purbakala tidak seperti orang-orang di akhir zaman ini. Saki baki runtunan bangunannya masih lagi tersimpan hingga ke hari ini. Ia menunjukkan badan mereka jauh lebih besar dan lebih tinggi daripada orang-orang di zaman moden. Tetapi orang-orang yang menda'wa telah bertemu dengan Khadhir itu tidak pula nampak beliau terlalu besar dan tinggi. Saiznya bahkan dikatakan berbeza-beza. Mana satu saiz sebenarnya? Kalau diandaikan beliau memang besar dan tinggi, tentulah lebih mudah untuk semua orang nampak. Tentulah beliau menjadi tumpuan perhatian ramai. Adakah berlaku begitu? Tidak! Kenapa tidak? Jawabnya kerana ia memang tidak wujud pun! (14) Kalau Khadhir masih hidup, tentulah berjihadnya dengan orang-orang kafir untuk menegakkan Islam, penglibatannya dalam segala urusan agama, menghadhiri jama'ah dan Juma'at, mengajar dan membimbing umat lebih patut diutamakan daripada merawau-rawau di hutan belantara dan di padang-padang pasir tanpa sebarang tujuan yang nyata. Mempercayai Khadhir masih hidup tanpa melakukan tuntutan-tuntutan agama yang sangat mendesak itu sebenarnya merupakan suatu penghinaan yang amat dahsyat terhadap beliau. والله أعلم .

¹⁰²⁰ Tujuan Bukhari mengadakan bab ini menurut Hafiz Ibnu Hajar ialah untuk menolak pendapat sesetengah kalangan 'ulama' yang mengatakan صلاة العشاء dikatakan kepada sembahyang 'Isyaa' yang dikerjakan segera di awal waktunya. Sementara صلاة العتمة pula dikatakan kepada sembahyang 'Isyaa' yang dikerjakan agak lewat. Bagi Bukhari dalam kedua-dua keadaan itu sembahyang 'Isyaa' tetap lebih elok dipanggil صلاة العشاء . Kerana itulah namanya yang disebut Allah di dalam al-Qur'an. Hafiz al-'Aini tidak bersetuju dengan pendapat Hafiz Ibnu Hajar itu.

٥٣٢ - حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِإِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو هُوَ ابْنُ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ سَأَلْنَا جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ صَلَاةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ كَانَ يُصَلِّي الظُّهْرَ بِالْمَاجِرَةِ وَالْعَصْرَ وَالشَّمْسُ حَيَّةٌ وَالْمَغْرِبَ إِذَا وَجَبَتْ وَالْعِشَاءَ إِذَا كَثُرَ النَّاسُ عَجَلَ وَإِذَا قَلُوا أَخَّرَ وَالصُّبْحَ يَغْلَسُ

532- Muslim bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada Sa'ad bin Ibrahim daripada Muhammad bin 'Amar - dia ialah anak al-Hasan bin 'Ali bin Abi Thalib - katanya: "Kami pernah bertanya Jabir bin 'Abdillah tentang sembahyang Nabi s.a.w. Kata beliau: "Nabi s.a.w. bersembahyang Zohor pada waktu betul-betul tengah hari sebaik sahaja matahari tergelincir. 'Ashar ketika matahari masih lagi cerah. Maghrib ketika matahari telah terbenam. 'Isyaa', kalau orang telah ramai, Baginda segerakan¹⁰²¹ dan kalau mereka (masih) sedikit, Baginda lewatkan¹⁰²²

Kata beliau, tajuk bab yang dibuat Bukhari ini tidak menunjukkan begitu. Maksud tajuk bab ini ialah menyatakan waktu yang mustahab. Ia terhenti pada sudah berkumpul atau belum para ahli jama'ah. Kalau ahli jama'ah telah berkumpul di awal waktu, maka pada waktu itulah sembahyang 'Isyaa' mustahab dikerjakan. Kalau mereka berkumpul pada waktu 'Isyaa' agak lewat, maka pada waktu itulah ia mustahab dikerjakan. As-Sindi juga sependapat dengan al-'Aini dalam memahami maksud tajuk bab ini. Daripada hadits yang dikemukakan di bawah bab ini dapat difahami bahawa 'Isyaa' juga seperti sembahyang-semahyang yang lain ada waktu permulaannya. Syeikh Zakariya berpendapat, maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan perbezaan amalan Rasulullah s.a.w. dalam mengerjakan sembahyang Subuh dan 'isyaa'. Subuh selalunya dikerjakan pada waktu ghalas. Tetapi 'Isyaa' agak tidak tentu masanya. Ia bergantung kepada ahli jama'ah.

¹⁰²¹ Sebaik sahaja hilang syafaq merah. Inilah pendapat Ibnu 'Abbaas, Ibnu 'Umar, 'Ubaadah bin as-Shaamit, Makhul, Ibnu Abi Laila, Malik, ats-Tsauri, al-Auzaa'i, as-Syafi'e, Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan as-Syaibaani. Menurut Abu Hurairah, Ibnu 'Abbaas, Anas, 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, Abu Hanifah, al-Muzani dan lain-lain pula waktu 'Isyaa' baru masuk setelah hilang syafaq putih. Syafaq putih menyusul selepas hilangnya syafaq merah. Bagaimanapun ada juga dinukilkan pendapat Abu Hanifah seperti pendapat golongan pertama tadi. Fatwa para 'ulama' Hanafi dalam masalah ini juga menurut pendapat golongan yang pertama.

¹⁰²² Hingga ke satu per tiga awal malam. Itulah masa yang terpilih di sisi ramai 'ulama' dalam mazhab Syafi'e. Itulah juga pendapat kebanyakan sahabat, tabi'in, Malik, Ahmad dan Syafi'e dalam qaul jadidnya. Menurut qaul qadim Syafi'e, menyegerakan sembahyang 'Isyaa' itu lebih afdhal. Itulah yang dikatakan sah oleh an-Nawawi dan sekumpulan tokoh-tokoh dalam mazhab Syafi'e. Imam Syafi'e juga dinukilkan berpendapat, 'Isyaa' elok dilewatkan hingga ke separuh malam. Pendapat pertama dan ketiga ini berlandaskan sebuah hadits Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, kata beliau, Rasulullah s.a.w. bersabda: لَوْلَا أَنِ اشْتُقِيَ عَلَى أُمَّتِي لِأَخْرُتِ صَلَاةُ الْعِشَاءِ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ أَوْ نَصْفِ اللَّيْلِ Bermaksud: Kalau tidak kerana takut akan menyusahkan umatku, niscaya aku perlewatkan sembahyang 'Isyaa' hingga satu per tiga atau separuh malam. (Hadis riwayat Ibnu Majah, Ibnu Abi Syaibah, al-Haakim dan lain-lain). Inilah pendapat as-Syafi'e yang ditarjihkan oleh an-Nawawi dan kebanyakan 'ulama' Syafi'iyah. Hadits ini juga menunjukkan melewati sedikit sembahyang, khususnya sembahyang 'Isyaa' untuk